

BERGAMBAR dengan tetamu kehormat sebelum acara bermula.

# 500 sertai larian amal

**Majlis** Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Sekretariat Pelajar Luar Kampus (OCSS) USIM buat julung kalinya menganjurkan Fit USIM Charity Run 2015, baru-baru ini.

Seramai 500 peserta terdiri daripada pelajar sekolah, siswa dan pelbagai lapisan masyarakat menyertai larian amal berkenaan.

Membawa tema 'Run For Deeds', program itu bertujuan mengumpul dana untuk Tabung Kebajikan Siswa USIM selain memberikan galakan kepada komuniti setempat bergiat aktif mengamalkan gaya hidup sihat.